

**Bil. 12**

**Selasa**

**7 Ogos 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Banjir di Melaka**  
- *YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)* [Halaman 1]
- **Menaiktaraf Balai Bomba Kluang**  
- *YB. Puan Wong Shu Qi (Kluang)* [Halaman 4]

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Selasa, 07 Ogos 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Masalah Banjir di Melaka**

**2.34 ptg.**

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan suatu isu tempatan di Melaka iaitu mengenai masalah banjir. Untuk pengetahuan umum, masalah ini telah lama, amat lama telah berlanjutan. Terkini pada bulan Ogos 2017, lima kawasan di daerah Melaka Tengah dinaiki air kira-kira satu meter. Baru-baru ini pula pada bulan Jun dan Julai 2018, banjir kilat telah berlaku lagi di kawasan Ayer Keroh, Tanjong Minyak, Kota Laksamana dan juga bandar Melaka. Dua hari yang lepas, Isnin yang lepas pagi, berlaku lagi banjir di kawasan bandar di Kota Melaka.

Masalah banjir di Melaka, khususnya di kawasan-kawasan bandar adalah bersifat '*banjir kilat*'. Berdasarkan pemantauan saya bersama dengan kerajaan dan agensi-agensi negeri, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan banjir kilat ini. Pertama, infrastruktur perparitan dan saliran. Saya mengambil maklum bahawa Kerajaan Persekutuan dan negeri sedang melaksanakan projek tebatan banjir di beberapa sungai di Melaka. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa projek tebatan ini sahaja tidak mencukupi kerana tidak meliputi kawasan-kawasan di Bandar Melaka yang selalu mengalami banjir, seperti kawasan Malim. Dua hari lepas ialah di kawasan Telok Mas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kena baca soalan, jangan tambah.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ya. Selain daripada itu, banjir kilat adalah disebabkan oleh masalah sistem perparitan dan saliran yang tidak diselenggarakan dengan baik,

lalu menyebabkan air hujan sukar mengalir dengan lancar sewaktu hujan lebat. Tambahan lagi, perparitan dan saliran di Melaka telah lama dan tidak berdaya untuk menampung keperluan semasa. Menurut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi di negeri Melaka, mereka kekurangan peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf.

Faktor yang kedua, pembangunan dan penambakan laut tidak terkawal. Banjir kilat juga berlaku di Melaka kerana pembangunan tidak terkawal. Banyak projek tambakan laut dan pembangunan berdensiti tinggi dijalankan tanpa mengambil kira keperluan perparitan dan saliran yang mencukupi. Kebanyakan pemaju-pemaju mengambil jalan singkat untuk menyambung kepada sistem perparitan dan saliran sedia ada yang telah pun melebihi kapasiti. Maka, saya memohon agar kementerian mengambil kira cadangan-cadangan saya seperti berikut:

- (i) mengkaji dan memberi peruntukan yang secukupnya kepada negeri Melaka supaya kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dan saliran dapat dijalankan. Pihak kementerian juga wajar mengkaji sama ada sistem perparitan yang baru diperlukan, khususnya di kawasan Bandar Melaka untuk jangka masa panjang;
- (ii) menjalankan pemantauan yang lebih ketat terhadap pelan-pelan pembangunan supaya perparitan dan saliran yang secukupnya disediakan oleh pihak pemaju. Tindakan tegas harus diambil terhadap mereka yang tidak mematuhi keperluan ini.
- (iii) mengkaji penggunaan teknologi baru dalam proses pemantauan, mitigasi, sistem amaran dan respons terhadap banjir kilat. Contohnya, penggunaan sistem hidrometeorologi atau *Smart City solutions* untuk pengesanan awal supaya kerja-kerja penyelenggaraan kecemasan boleh dijalankan sebelum hujan lebat melanda.

Maka, saya memohon agar kementerian mengambil maklum tentang masalah banjir di Melaka kerana ia kerap berlaku dan telah menyebabkan kesusahan kepada penduduk di Melaka. Sekian, terima kasih.

**2.39 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk mengatasi masalah banjir kilat di negeri Melaka, ia merupakan di bawah penglibatan dan bidang kuasa pelbagai kementerian dan agensi seperti kerajaan negeri, Kementerian Kerja Raya (KKR);

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS); Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); dan PLANMalaysia (JPBD).

Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah banjir kilat di Melaka sejak tahun 2016 hingga kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperuntukkan sebanyak RM3.58 juta untuk melaksanakan 69 projek membina dan menaik taraf sistem longkang dan parit di bawah skop Butiran Projek (BP.1). Kesemua projek ini telah siap dilaksanakan. Antara contoh projek yang telah siap dilaksanakan di Melaka adalah projek menaik taraf longkang di Taman Kesidang Seksyen 2 dengan kos sebanyak RM477 ribu dan projek menaik taraf sistem perparitan di Taman Pokok Mangga dengan kos sebanyak RM498 ribu.

#### ■1440

Bagi memberi sedikit gambaran atau contoh kepada Yang Berhormat tentang berapa kes, kami mengakui bahawa memang ada masalah banjir kilat dan banjir biasa. Contohnya pada 29 Jun di Ayer Keroh. Di antara punca yang menyebabkan banjir berlaku adalah keadaan parit sedia ada di kawasan tanah lot pemaju tidak dapat menampung kapasiti air yang besar ketika hujan lebat dan mengakibatkan banjir di kawasan Jalan Wakaf Utama 5. Ini satu kes. Pada 2 Julai di kawasan DUN Kesidang pula didapati *outlet* ke kawasan tambakan laut merupakan longkang pasir mengakibatkan *bad flow* ketika hujan lebat. Ini seperti yang Yang Berhormat sebutkan tadi berkaitan dengan tambakan laut.

Pada 19 Jun dan 12 Julai pula di kawasan DUN Kota Laksamana, sistem perparitan tidak teratur dan sudah lama tidak dinaiktarafkan dan sebahagian daripada kawasan ini juga termasuk infrastruktur longkang yang tidak diselenggarakan dengan baik. Di kawasan khususnya Pengkalan Rama Pantai, infrastruktur longkang tidak sistematik dan kawasan kampung yang rendah. Di Kampung Chetti pula, kolam tadahan tidak dapat menampung kapasiti air ketika hujan lebat. Ini adalah di antara contoh-contoh yang kita boleh beri. Saya akan beri perinciannya jika Yang Berhormat inginkan dengan senarai yang lebih lengkap.

Untuk makluman seterusnya, saya ingin menyatakan di sini pihak KPKT juga telah mengeluarkan Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan, Syor-syor Kawalan Pembangunan di Kawasan Banjir kepada PBT untuk memperkukuhkan tahap kesediaan mereka dalam menghadapi masalah banjir di kawasan masing-masing seperti berikut:

- (i) PBT juga diingatkan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Februari sejak tahun 2000 di mana mereka harus memastikan pemaju projek mengemukakan pelan topografi yang jelas menunjukkan sistem semula jadi yang sedia ada sebelum pembangunan diluluskan. Ini *insya-*

*Allah* akan dapat memudahkan kita punya *anticipation* berlakunya banjir dan sebagainya; dan

- (ii) PBT perlu mengguna pakai pelan atau foto “*remote sensing*” bagi kawasan yang sering mengalami banjir. Perkara ini boleh diperoleh daripada agensi-agensi yang memang ditugaskan untuk mengumpulkan data-data itu seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Ini dapat mengelakkan kelulusan pembangunan di kawasan yang sering dilanda banjir.

Bagi mengatasi masalah banjir kilat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) telah diperkenalkan oleh Jabatan Air dan Saliran (JAS) bagi membuat kawalan di punca dalam pengurusan air larian hujan di negara ini. Pendekatan yang digunakan dalam MSMA adalah kaedah takungan, tahanan dan resapan bagi mengurang atau memperlambatkan bebanan terus air larian ke sungai. Pada waktu puncak, kaedah ini akan dapat mencegah atau mengurangkan risiko kejadian banjir kilat.

Jadi tambahannya juga untuk memberi sedikit ringkasan tentang projek yang telah dikendalikan untuk menangani masalah-masalah ini dari segi peruntukan, pada tahun 2016 di bawah 25 projek, peruntukan adalah RM1.259 juta. Pada tahun 2017, 30 projek iaitu RM1.955439 juta. Setakat ini pada tahun 2018 di bawah tujuh projek, RM368 ribu. Itulah total pada waktu ini untuk tiga tahun kebelakangan ini ialah RM3.583 juta. Itulah di antara situasi yang kita telah hadapi dan kita harap akan menangani isu-isu yang telah dibawa oleh Yang Berhormat tadi dengan lebih berkesan dengan pendekatan yang telah disebutkan tadi. Kita akan memberi perincian kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

### **Menaiktaraf Balai Bomba Kluang**

#### **2.45 ptg.**

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, ada banyak isu yang dibangkitkan dalam sesi Parlimen ini, daripada hutang negara sehinggalah kebajikan tentera. Rentetan itu, saya ingin membangkitkan satu isu yang penting iaitu tentang hal ehwal pasukan bomba dan penyelamat di Kluang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, balai bomba ialah agensi kerajaan yang pertama yang saya lawat sejurus selepas saya dipilih sebagai Ahli Parlimen Kluang. Ini kerana saya berpendapat bahawa bomba merupakan pasukan yang bertugas di baris yang paling hadapan

serta bekerja bertungkus-lumus semasa sebarang kecemasan. Bomba Kluang yang mempunyai 74 anggota sahaja perlu menjaga satu kawasan yang luas serta populasi yang tinggi. Mengikut statistik yang diberi kepada saya, bomba Kluang telah mengendalikan 115 kes khidmat khas dan 131 kes kebakaran antara bulan Januari hingga 20 Mei tahun ini. Jumlah kes ini mungkin tidaklah sampai tahap kritikal kalau berbanding dengan bandar-bandar yang lebih besar, tetapi setiap kejadian yang berlaku memerlukan satu pasukan bomba bersiap siaga sepenuhnya.

Justeru, saya memohon Yang Berhormat Menteri untuk meneliti keadaan Balai Bomba Kluang yang dibina sejak sebelum negara kita merdeka. Contohnya, trak bomba yang terlalu tinggi tidak boleh terus masuk ke *waiting bay* dengan izin, kerana struktur *waiting bay* tidak sesuai untuk jentera bomba model baru masa kini. Oleh itu, trak bomba terpaksa keluar masuk melalui pintu belakang ke lorong belakang yang sempit. Anggota-anggota bomba pula perlu tunggu di bilik rehat yang terletak di atas *waiting bay*. Malangnya, Balai Bomba Kluang yang berusia lebih 60 tahun ini masih belum lagi melalui apa-apa naik taraf yang menyeluruh. Anggota-anggota bomba terpaksa berehat di sebuah bilik di mana hawa dinginnya tidak berfungsi dengan baik. Malah, mereka perlu bergegas turun tangga ke *waiting bay* jika ada apa-apa kecemasan dan tidak boleh terus menyusur turun dengan tiang seperti balai bomba lain.

Apabila saya melawat Balai Bomba Kluang, anggota bomba juga telah menunjuk kepada saya siling bilik kawalan yang telah bocor. Setiap kali hujan, anggota yang bertugas dalam bilik kawalan akan menjadi mangsa hujan terlebih dahulu sebelum menyelamatkan mangsa di luar sana. Begitu juga dengan sistem pendawaian ataupun '*wiring*' dalam bangunan balai yang sudah lama. Kalau bangunan balai bomba ini tidak dapat dinaiktarafkan secepat mungkin, saya risau bomba sendiri akan menjadi mangsa kejadian malapetaka. Anggota-anggota bomba di Kluang membina kantin mereka sendiri kerana mereka tidak boleh keluar daripada balai apabila bertugas. Malangnya, kantin yang dibina ini pun sudah usang dan memerlukan naik taraf segera mungkin. Untuk menjimatkan wang, mereka terpaksa mengguna pakai *locker* yang telah dibuang oleh agensi lain. Malah, mereka juga terpaksa mengatur susun semula tandas untuk meletakkan kesemua *locker* memandangkan bangunan mereka kesempitan ruang.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi arahan serta peruntukan yang sewajarnya untuk memperbaiki serta menaik taraf sepenuhnya Balai Bomba Kluang agar anggota bomba kita tidak perlu risau akan keselamatan balai bomba dalam mereka berkhidmat kepada masyarakat. Paling penting sekali, kebajikan anggota bomba adalah tanggungjawab kita. Sekian, terima kasih.

**2.49 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 295 buah balai bomba yang telah siap dibina di seluruh negara bagi memberikan perkhidmatan pemadaman dan penyelamatan kepada rakyat. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menetapkan *response time* bagi setiap panggilan kecemasan adalah di bawah 10 minit. Pencapaian *response time* di bawah 10 minit kini adalah 47 peratus dan ia merupakan indikator yang amat signifikan bagi penambahan balai bomba baru. Masih terdapat enam kawasan Parlimen iaitu Stampin, Batang Lupar, Lubok Antu, Julau, Lanang dan Hulu Rajang yang belum mempunyai balai bomba sehingga hari ini dan perancangan kementerian adalah untuk memastikan setiap kawasan Parlimen dibina balai bomba bersesuaian dengan jenis risiko. Kerja-kerja mengenal pasti tapak kini sedang giat dijalankan bagi tujuan permohonan projek balai bomba baru kepada agensi pusat.

**■1450**

Pembinaan sesebuah balai bomba adalah berdasarkan kepada penilaian di dalam gred kawasan seluas 20 kilometer persegi terhadap beberapa kriteria seperti kepadatan penduduk; jumlah dan jenis industri; jumlah dan jenis perniagaan serta perdagangan; jumlah dan jenis perkhidmatan hotel; dan kewujudan bangunan-bangunan penting seperti bangunan kerajaan dan awam. Setiap kriteria akan diberikan markah menggunakan pemberat mengikut risiko kriteria. Jumlah markah keseluruhan risiko di dalam gred akan menentukan skor risiko di dalam sesuatu gred. Lebih tinggi skor yang diperolehi, maka lebih tinggi risiko kepada gred tersebut.

JBPM juga akan dijangka akan menerima tambahan 37 lagi buah balai bomba pelbagai kategori menjelang 2020. Jadi dari segi prioriti adalah untuk memberi balai bomba di tempat yang memerlukan. Selain projek pembinaan balai bomba baru, kementerian juga memberikan fokus kepada aspek penyelenggaraan bangunan balai bomba, kuarters akademi pangkalan udara, pejabat zon dan negeri. Secara keseluruhan, terdapat 557 bangunan yang diuruskan oleh JBPM melibatkan penyelenggaraan berkala dan kecemasan.

Di sepanjang RMKe-10 sehingga RMKe-11, Rolling Plan Ketiga (RP3) Tahun 2018, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM1.88 bilion bagi perolehan tanah, pembinaan dan menaik taraf bangunan balai bomba dan kuarters serta perolehan jentera dan peralatan dengan purata kira-kira RM170 juta setiap tahun. JBPM juga telah memohon peruntukan sebanyak RM171 juta bagi membiayai pelaksanaan projek dalam RMKe-11 RP4 Tahun 2019 yang melibatkan 52 projek sambungan dan 63 projek baru.

JBPM mengambil maklum terhadap keadaan bangunan balai yang lama dan termasuk dalam senarai balai berusia 50 tahun dan ke atas. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, memanglah sudah lebih kurang 60 tahun Balai Bomba Kluang. Berdasarkan rekod JBPM, sejumlah 62 buah balai bomba telah dikenal pasti berusia melebihi 50 tahun dan 23 buah daripadanya telah dinaiktarafkan bermula RMKe-9 sehingga kini. Berdasarkan rekod, JBPM Negeri Johor telah diperuntukkan sejumlah RM1.5 juta peruntukan penyelenggaraan bangunan sejak tahun 2015 hingga 2017 yang turut meliputi penyelenggaraan 28 balai bomba di Johor termasuk Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kluang.

Untuk memberi jawapan yang lebih khusus kepada masalah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tentang apa yang berlaku di Balai Bomba Kluang yang dibina pada tahun 1959, mengenai kesukaran jentera memasuki kawasan balai kerana jalan yang sempit, ia adalah merujuk kepada jentera jenis treler tangki air atau *water tanker*. Namun, jentera tersebut tidak ditempatkan di balai tersebut. Ini mengatasi masalah tersebut. Kita telah membuat *adjustment* seperti yang diperlukan. Jentera *fire rescue tender* (FRT) masih boleh memasuki balai dari pintu belakang seperti biasa.

Ini kerana saya rasa semasa balai ini dibina, jentera-jentera tidaklah mempunyai *characteristic* atau saiz seperti didapati hari ini. Manakala jentera *skylift* yang digunakan untuk pemadaman bangunan tinggi telah rosak dan kini dalam proses pelupusan. Walau bagaimanapun, bagi tujuan memudahkan mana-mana jenis jentera memasuki kawasan balai pada masa akan datang, sebahagian pagar di pintu masuk belakang perlu dirobuhkan. Kerja-kerja merobuhkan pagar tersebut dapat dilaksanakan sekiranya peruntukan naik taraf diluluskan oleh agensi pusat. Inilah yang kita pohon dan sedang diusahakan.

Mengenai bilik *standby* anggota, ia sebenarnya terletak di bilik bawah dan tidak memerlukan tiang atau *fireman pole* untuk turun sebagaimana yang telah dimaklumkan. Bilik atas yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebenarnya merupakan bilik kuarters yang diubahsuai menjadi bilik mesyuarat. Bilik *standby* tersebut juga dilengkapi dengan dua unit alat penghawa dingin, namun sekarang ini mengalami kerosakan dan di dalam proses mendapatkan peruntukan untuk membaikkannya. Itulah di antara apa yang telah ditimbulkan dan *insya-Allah* dalam waktu terdekat, kami akan berusaha untuk membaiki situasi yang telah disebut oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Rabu, 8 Ogos 2018. Terima kasih.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.55 petang]***